

SOALAN NO: 152

di Sabah dan Sarawak pelbagai genre dan selebihnya adalah rancangan untuk tontonan pelbagai masyarakat di Malaysia. Manakala di saluran TV1 pula sebanyak 5% rancangan adalah memfokuskan kepada etnik Bumiputera Sabah dan Sarawak. Selain itu, RTM juga telah menyiarkan slot siaran program berita khas untuk Sabah dan Sarawak.

Rancangan yang disiarkan diperoleh menerusi terbitan swasta dan syarikat penerbitan termasuk Sabah dan Sarawak. Antara rancangan yang disiarkan ialah:

- (a) Rasabah : Setiap Isnin (TV1)
- (b) Boleh Bah Kalau Kau (TV1)
- (c) Rentas : Setiap Rabu, 12.30 Tengah Hari (TV1)
- (d) Kenyalang Borneo (TVi)
- (e) Sitok Kamek (TVi)

Setakat ini belum ada cadangan untuk mewujudkan saluran televisyen khas bagi etnik Bumiputra di Sabah dan Sarawak, walau bagaimanapun, peratusan kandungan rancangan dan liputan berita berkaitan Sabah dan Sarawak akan ditambah di saluran-saluran TV lain di bawah RTM seperti TV1, TV2 dan TVi pada masa akan datang.